

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 20/08/2007

Ekonomi bumiputera masih rendah

Oleh AZMI ABDUL MALEK

IPOH 19 Ogos - Pertumbuhan ekonomi bumiputera masih di tahap rendah berbanding kaum ain sama ada di peringkat domestik mahu pun global disebabkan sikap mereka yang terlalu bergantung kepada projek serta sokongan kerajaan.

Timbalan Menteri Perdagangan An-

tarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Husni Hanadzlah berkata, selain itu, kegiatan ekonomi bumiputera pula dicemari dengan masalah penjualan lesen, permit, kontrak, tender, saham dan amalan ali baba.

"Keadaan ini amat merugikan bumiputera dan membantutkan usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Ahmad Husni yang juga Ketua UM-NO Bahagian Tambun berkata, usaha membangunkan ekonomi bumiputera bukanlah mudah kerana persaingan sengit daripada pelabur-pelabur kaum lain yang telah lama bertapak.

Justeru katanya, mereka perlu melakukan lonjakan paradigma kerana cabaran ekonomi sekarang memerlukan usahawan tulen yang mampu bersaing dan berdikari.

UM - 20/8/2007

"Pada masa sama, kerajaan hendaklah menyesuaikan dasar, matlamat dan pelaksanaan pembangunan ekonomi bumiputera dengan menekankan pembangunan kualiti bagi melahirkan masyarakat perindustrian dan perdagangan bumiputera yang mampu bersaing di pasaran terbuka menjelang 2020," katanya.

Beliau juga meminta semua pemimpin politik Melayu di pelbagai peringkat

termasuk kerajaan supaya memandang serius terhadap pelbagai usaha yang dijalankan dalam membangunkan ekonomi bumiputera dan menjadikannya sebagai agenda utama mereka.

Menurutnya, pelan tindakan tersebut mestilah merangkumi sasaran usahawan, syarikat, modal, ekuiti, sektor ekonomi, hartanah dan profesional bumiputera bagi tahun 2010, 2015 dan 2020.